

J PB 02-12 00161 BH626

aab

Mahathir - MT

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata segala saranan dan cadangan, termasuk usul mengenai Raja Berperlembagaan yang dibuat dalam Perhimpunan Agung UMNO, akan ditimbang oleh Majlis Tertinggi (MT) parti itu pada mesyuaratnya yang akan diadakan secepat mungkin.

Présiden UMNO itu bagaimanapun berkata tarikh bagi mesyuarat itu belum ditetapkan.

Katanya MT akan menentukan sama ada pucuk pimpinan akan kemukakan resolusi itu terus kepada Yang di-Pertuan Agong ataupun menubuhkan satu jawatankuasa untuk menimbang apa jua tindakan berhubung dengan resolusi itu.

+Segalanya akan diputuskan oleh MT,+ katanya dalam persidangan akhbar selepas perhimpunan itu tamat hari ini.

Menjawab satu soalan, beliau berkata MT juga akan memutuskan sama ada keputusan majlis itu akan dibawa kepada Kabinet.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata majlis itu akan menimbang cadangan pergerakan Pemuda UMNO supaya Akta Hasutan dipinda untuk membolehkan isu raja dibahas di Parlimen. -- Lagi

02/12/19-56MST

U, PB 02-12 00122 BB984

aab

Mahathir - MT 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata mesyuarat akan membincangkan perlantikan tujuh lagi anggota Majlis Tertinggi.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan akan mengkaji saranan beberapa perwakilan supaya pegawai kerajaan Kumpulan A dibenarkan bergiat aktif dalam politik.

Katanya, terdapat banyak kebaikan dan keburukan berhubung dengan perkara itu, sambil menambah kata bahawa kerajaan akan menimbang permintaan itu.

Presiden UMNO itu berkata cadangan mengadakan perkhidmatan negara adalah satu cadangan yang baik.

Bagaimanapun, katanya, ia melibatkan perbelanjaan yang besar dan memerlukan kajian yang teliti.

Mengenai perhimpunan kali ini, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau amat berpuas hati, sambil berkata perbincangan berjalan secara sopan dan tertib. -- Lagi

02/12/20-38MST

CNS5126

U PB 02-12 00124 BB990

aab

Mahathir - MT 3 Kuala Lumpur

Hujah dan cadangan yang dikemukakan oleh para perwakilan adalah bernas, tambah beliau.

Beliau juga kagum dengan sikap para perwakilan dalam perhimpunan kali ini yang memperlihatkan sikap terbuka dan berbeza dengan perhimpunan-perhimpunan yang lepas.

Katanya, dulu mereka lebih cenderung mengkritik sesama sendiri dan kerajaan.

Berlainan dengan perhimpunan ini, mereka telah membincang tekanan dan cabaran di luar parti, katanya, sambil menambah matlamat inginkan perpaduan parti begitu ketara.

Menjawab satu soalan lain, Perdana Menteri berkata tindakan undang-undang akan diambil terhadap para pemimpin negeri Sabah sekiranya mereka didapati melanggar Akta Hasutan.

Sebaliknya, sekiranya mereka bertindak mengikut peruntukan Akta berkenaan, BN akan memerangi mereka secara +tindakan politik+. -- Lagi

♥02/12/20-41MST

CNS5127

U PB 02-12 00079 BB991

aab

Mahathir - MT 4 Kuala Lumpur

Ditanya mengenai lawatan Setiausaha Agung Komanwel Chief Emeke Anyouku ke sini, beliau berkata ia tiada kaitan dengan Kumpulan Pemerhati Komanwel bagi pilihan raya umum lepas.

Sebaliknya, Encik Anyouku datang ke Malaysia untuk membincang persiapan Mesyuarat Kumpulan 10 negara Komanwel yang dijangka bersidang di London Januari depan.

Chief Anyouku dijangka menemui Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Kumpulan 10, esok. -- Bernama

♥02/12/20-42MST

CNS5079

U GB 02-12 00170 BH623